

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 FEBRUARI 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

NCER terima pelaburan besar

NCER terima pelaburan terbesar

PETALING JAYA: Sebanyak 61.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan sektor pembuatan sehingga suku ketiga 2021 adalah di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia menunjukkan NCER menyumbang majoriti daripada pelaburan sektor tersebut yang diluluskan di Malaysia. Beliau berkata, kemasukan pelaburan swasta di NCER berkait rapat dengan pelaksa-

naan program-program modal insan berteraskan Keluarga Malaysia oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Pelaburan di wilayah itu telah memberi manfaat kepada 67,935 orang dari 30 daerah di wilayah utara sejak 2019 sehingga tahun lalu. NCER yang dilancarkan pada 2007 merangkumi kawasan seluas 32,404 kilometer persegi melibatkan empat negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.



ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) bersama (dari kiri) Mahdzir Khalid, Mustapa Mohamed, Sanusi Md. Nor dan Jebasingam Issace John melihat replika tapak Bandar Getah Kedah di Padang Sanai, Padang Terap, semalam.